



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

ILKEM

BULETIN EDISI 4/2023



www.cgso.gov.my



cgso



cgso_news

BULETIN ILKEM EDISI 4/2023



ISI KANDUNGAN

- 04 PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN**
- 05 PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)**
-
- EKSKLUSIF !**
- 06 PENGURNIAAN DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (DSPN) YANG MEMBAWA GELARAN DATO'**
-
- 07 LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN SELEPAS BANJIR**
- 09 PELANGGARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI BANGUNAN KERAJAAN**
- 10 CHATGPT : SUATU NIKMAT ATAU BAHANA**
- 13 KEPERLUAN KESEJAHTERAAN EMOSI DI TEMPAT KERJA**
- 16 MALAYSIA DI KEDUDUKAN PERTAMA OBESITI**
- 19 RINGKASAN AKTIVITI KURSUS DAN JUMLAH KURSUS**
- 23 BERITA PERKHIDMATAN**
- PENGAMBILAN BAHRU PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN (KP29) DAN PENGAWAL KESELAMATAN (KP11) PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)**

- 26 MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN BAGI LANTIKAN BAHRU SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (KP) BAGI PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP29 DAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11**



- 29 KURSUS PENGUKUHAN KADER SKIM KP, PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA, INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)**
- 37 PROGRAM FUN RUN**
- 50 KURSUS PROTOKOL DAN PENGURUSAN MAJLIS**
- 51 KURSUS BASIC LIFE CPR**
- 52 KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) SIRI 6/2023**
- 54 PENDAKIAN BUKIT MELATI ILKEM**
- MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN SEMPENA MENJAYAKAN PROGRAM FUN RUN DI ILKEM**
- 58 BENGKEL PENULISAN ILMIAH BERSAMA INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**
- BENGKEL PENAMBAHBAIKAN SUKATAN PEPERIKSAAN DAN JADUAL PENENTU UJIAN (JPU) BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN DAN PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN SIRI 2/2023**
- 65 GALA DINNER ILKEM 2023**
- 74 PUISI ILKEM OH ILKEM**
- 75 PUSAT SUMBER ILKEM**



**S
I
D
A
N
G
R
E
D
A
K
S**

PENAUNG
YBHG. DATO' RAHIMI BIN ISMAIL

PENASIHAT
YBRS. TUAN HAJI MOHD NAJIB BIN SURIP

KETUA PENGARANG
ENCIK ROSELAN BIN MOHAMED

PENULISAN ARTIKEL
ENCIK KANNAN A/L NAGAPPAN
ENCIK MOHD AZMIE BIN TAJOL AMIRRUDIN
ENCIK AHMAD TAQIUDDIN BIN MAT TAJUDDIN
PUAN INTAN LIANA BINTI LATIF

PEGAWAI PENYELARAS
ENCIK MOHD AHMADSHAH BIN OTHMAN
ENCIK MOHD AMIRUL HAFIZ BIN ABDUL HALIM
PUAN HARAFEAH BINTI HARUN

PEREKA GRAFIK
ENCIK MOHD RAZIZ BIN MINHAT

PEMBANTU PEREKA
ENCIK MOHD AMIRUL HAFIZ BIN ABDUL HALIM



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

"Pelan Transformasi CGSO 2030".

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'laikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia Madani.

Alhamdulillah, saya ingin merakamkan ucapan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Buletin ILKEM Edisi Keempat Tahun 2023 berjaya diterbitkan sebagai sumber rujukan dan aspirasi kepada warga perkhidmatan awam.

Pelbagai cabaran yang dihadapi telah menuntut perubahan gaya dan pendekatan berbeza dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam. Sektor awam perlu sentiasa melakukan perubahan positif terhadap sistem penyampaian perkhidmatan menggunakan kecanggihan teknologi baharu. Pelan Transformasi CGSO 2030 dirangka dengan mengambil kira elemen Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, inisiatif MyDigital dan dasar-dasar semasa Kerajaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan berkesan dan sentiasa relevan mengikut aras kemajuan. Pelan tindakan CGSO yang digariskan di dalam Pelan Strategik CGSO 2023-2025 telah dijajarkan seiring dengan agenda nasional berdasarkan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju

dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, keselamatan, psikologi dan budaya. Setiap agensi Kerajaan perlu memulakan langkah awal menanam budaya berkongsi pengetahuan antara personel di agensi serta merentas agensi melalui inisiatif ICT bersepada supaya repositori maklumat sahih melalui sumber tunggal. Pengurusan pengetahuan yang sistematik dan komprehensif dapat dijadikan sebagai rujukan bagi membantu penghasilan mutu kerja yang berkualiti tinggi, pantas serta tepat dalam proses pembuatan keputusan dalam perkhidmatan awam.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada sidang redaksi Buletin ILKEM dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan tenaga dan memberikan komitmen yang padu terhadap penghasilan Buletin ILKEM ini. Saya amat menghargai dedikasi dan kesungguhan sidang redaksi Buletin ILKEM dalam merealisasikan penerbitan Buletin ini. Penerbitan Buletin ILKEM ini merupakan satu kebanggaan kepada CGSO dan mencerminkan kesungguhan CGSO dalam menggembungkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan. Syabas dan tahniah. Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' RAHIMI BIN ISMAIL,
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN (CGSO)**

Perutusan Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.



**YBRS. ENCIK ROSELAN BIN
MOHAMED**

Alhamdulillah, tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) yang terlibat secara langsung ataupun tidak lansung dalam penerbitan Buletin ILKEM sepanjang tahun 2023 ini.

Dalam suasana yang semakin mencabar ini, pelbagai liku-liku telah sama-sama kita hadapi. Namun, dengan adanya kerjasama dan usaha yang tinggi daripada warga ILKEM, pelbagai program telah berjaya kita kecapi bersama.

Sebagai sebuah Institut yang menawarkan program latihan keselamatan kepada semua penjawat awam, ILKEM sentiasa memastikan semua maklumat yang dibekalkan adalah sahih dan benar.

Agenda utama adalah bagi memastikan penjawat awam memahami, mematuhi peraturan-peraturan dan arahan-arahan keselamatan untuk berupaya bertindak menghadapi cabaran dan risiko keselamatan. Tindakan yang diambil juga perlu seimbang dengan ancaman dan perkembangan teknologi semasa.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga ILKEM kerana telah memberi komitmen yang sepenuhnya dalam menjayakan Buletin ILKEM Edisi Ke-4 bagi tahun 2023. Semoga ianya menjadi bahan penghubung dan tatapan umum yang boleh dimanfaatkan oleh semua terutamanya kepada pihak berkepentingan dan juga menjadi agen transformasi kepada semua.





UCAPAN TAHNIAH ATAS PENGURNIAAN DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (DSPN) YANG MEMBAWA GELARAN DATO'

Pengurusan Tertinggi dan warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) serta Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan atas Pengurniaan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Dato'.

"terus cemerlang untuk terus menabur bakti kepada CGSO"

Darjah Kebesaran tersebut telah dikurniakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak bersempena dengan sambutan Ulang Tahun ke-74 di Dewan Sri Pinang, Georgetown, Pulau Pinang.

Tahniah dan semoga Yang Berbahagia Dato' terus cemerlang untuk terus menabur bakti kepada CGSO, masyarakat dan negara.

LANGKAH - LANGKAH

KESELAMATAN DAN KESIHATAN SELEPAS BANJIR

Banjir berlaku apabila kandungan air di permukaan bumi adalah berlebihan dan ini biasanya disebabkan oleh hujan yang lebat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa punca yang terperinci yang menyebabkan landaan banjir. Punca banjir yang paling biasa adalah hujan lebat yang berterusan. Hujan yang lebat boleh mengakibatkan paras air di dalam sungai, longkang dan sebagainya menaik dan ia juga boleh menyebabkan pembentukan lopak air di darat. Apabila hujan lebat tidak berhenti malah berterusan untuk tempoh masa yang panjang, paras air juga akan naik secara berterusan sehingga sungai, longkang dan sebagainya penuh sehingga berlimpahan. ni akan menyebabkan air memenuhi ruang daratan dan berlakulah banjir.

Selain itu, hakisan tebing sungai adalah fenomena yang mana tanah di kawasan tebing menjadi longgar dan jatuh dari tebing itu. Apabila hakisan tanah berlaku di tebing sungai, tanah yang dihakis akan jatuh dari tebing sungai ke lantai sungai. Jika ini berlaku secara berterusan, paras lantai sungai akan menaik. ni bermakna sungai itu akan mempunyai kurang ruang untuk

mengandungi air dan oleh itu, Untuk mengelakkan berlakunya limpahan air senang berlaku. perkara yang tidak diingini, kita Limpahan air yang berlaku di perlu berjaga-jaga dalam kawasan sungai yang menghadapi cabaran selepas mengalami hakisan boleh banjir ini, Justeru itu, langkah-menyebabkan banjir. Di langkah keselamatan selepas samping itu, hutan juga banjir yang perlu diambil ialah memainkan peranan yang dengan memastikan elektrik penting dalam mengawal berada dalam keadaan baik aliran air di permukaan bumi agar tidak berlaku renjatan kita. Kebanyakan hutan hujan elektrik di dalam rumah dan tropika seperti yang terdapat memastikan punca utama di Malaysia adalah kawasan elektrik dimatikan bagi tадahan air. ni bermakna mengelakkan renjatan elektrik bahawa apabila hujan lebat terutamanya jika air masih ada melanda, banyak kandungan Selain itu, perlunya pemeriksaan air ditadah atau diperangkap di dalam rumah agar tidak di permukaan pokok-pokok wujudnya haiwan berbisa di dan tumbuhan-tumbuhan lain dalam rumah seperti ular, lipan yang bertumbuhan di hutan. atau kala jengking yang Jika tiada hutan atau apa-apa mengancam kepada ahli tumbuhan untuk menadah air, keluarga. Memeriksa tempat-air hujan akan terus jatuh ke tempat yang mungkin boleh darat dan ini boleh menjadi tempat persembunyian mempercepatkan kebanjiran. haiwan-haiwan tersebut seperti

TIPS KESELAMATAN SELEPAS BANJIR
MEMASUKI RUMAH/BANGUNAN

PERIKSA ANCAMAN BAHAYA

1. Jangan memasuki bangunan jika ia masih ditenggelami atau dikelilingi air banjir, berhati-hati kerana mungkin masih banyak bahaya yang tersembunyi.
2. Pakai kasut yang sesuai
3. Periksa sebarang kehadiran binatang atau serangga berbisa & merbahaya. Gunakan kayu untuk mengalihkan sebarang halangan
4. Periksa dinding, lantai, pintu, tingkap & siling untuk mengelakkan risiko runtuh. Lihat tanda-tanda rekaan atau mendapan kerana ia mungkin tidak selamat
5. Buang bahan perubatan, makanan & air yang tercemar dengan air banjir (termasuk barang dalam tin)
6. Semua peralatan elektrik perlu diperiksa & dikeringkan sebelum digunakan semula
7. Laporkan kebocoran gas, elektrik & saluran air dengan serta-merta
8. Jangan mengendalikan peralatan elektrik di kawasan basah

Sumber: nevaresean.org.my

Infoforkit Berita

PERIKSA ANCAMAN BAHAYA

- Periksa salur paip gas yang mungkin pecah atau bocor
- Periksa kerosakan sistem elektrik (percikan api, wayar pecah atau bau genjer terbakar). Matikan elektrik pada pemutus litar utama jika anda boleh mencapainya tanpa melangkah di dalam air
- Gunakan lampu berkusi bateri. Bahru mudah terbakar mungkin ada di persekitaran
- Periksa bahan-bahan mudah terbakar yang mungkin mengalir masuk semasa banjir (minyak tanah, petrol, diesel & sebagainya)
- Periksa kerrosakan tangki septik untuk mengelakkan bahaya biolog
- Laporkan sebarang kerossakan kemudian awam kepada pihak berkusi

di belakang almari , kerusi atau kabinet dan lain-lain.

Selain daripada itu, struktur rumah perlu diambil penekanan yang penting bagi mengelakkan kecederaan akibat objek terjatuh semasa berada di dalam rumah. Lantai tile adalah sangat licin bila terendam air dan ditumbuhi kulat. Oleh itu perlu berhati-hati bagi mengelakkan terjatuh dan cedera. Selain daripada struktur rumah, keselamatan sistem gas memasak juga perlu diperiksa kerana peralatan dapur gas dan paip getah boleh dimasuki air menyebabkan aliran gas tersekat dan keluar melalui injap dan liang yang tidak sepatutnya dan kesan itu akan menyebabkan letupan di dalam rumah. Oleh itu, diperingatkan agar orang awam sentiasa memeriksa dan memastikan semuanya berada dalam keadaan selamat agar tidak berlaku perkara yang tidak dingini selepas banjir.

Semua orang mahukan kesihatan yang berpanjangan untuk menjalani kehidupan sehari-hari, namun ada beberapa perkara yang perlu di ambil berat apabila mengharungi kehidupan selepas banjir. Risiko jangkitan kuman senang terjadi apabila seseorang itu mengabaikan kebersihan selepas banjir. Air dan tanah yang dibawa banjir mungkin mengandungi pelbagai kuman yang boleh menyebabkan penyakit. Kulat juga akan tumbuh dengan cepat pada dinding , lantai dan perabot rumah. Oleh itu, pakai alat perlindungan diri seperti boot

dan sarung tangan getah terutama jika terdapat luka-luka kecil pada kaki dan tangan. Topeng muka mask dan goggles mestilah dipakai bagi mengelakkan bahan kotoran tidak memasuki saluran pernafasan dan mata semasa aktiviti pencucian dan juga buka semua tingkap bagi memastikan peredaran udara yang baik sebelum melakukan aktiviti pencucian di dalam rumah.



Foto- Amir Khalid, Kosmo

Sumber air sangat penting dalam meneruskan kehidupan selepas banjir, tanpa air kita tidak dapat mencuci rumah, air minuman dan sebagainya. Namun perlu ditekankan bahawa sistem perpaipan perlu diperiksa terlebih dahulu sebelum digunakan bagi mengelakkan pengumpulan bakteria yang boleh memberi risiko terhadap kesihatan. Pastikan sistem paip berada di dalam keadaan baik dan tidak berlaku kebocoran walaupun sedikit dan pastikan semua air minum dimasak terlebih dahulu. Selain itu juga, elakkan memakan makanan mentah seperti ulam-ulaman sehingga keadaan pulih dan kupas buah-buahan dan sayuran yang berkulit sebelum dimakan bagi mengelakkan cirit-birit

Banjir yang teruk boleh dianggap sebagai sejenis malapetaka kerana ia boleh menyebabkan banyak kemusnahan harta dan juga merbahaya kepada pelbagai hidupan termasuk manusia. Walaupun tidak ada banyak yang kita boleh buat untuk menghalang banjir daripada berlaku, namun setidaknya kita boleh bersedia untuk menghadapi musibah selepas banjir dengan lebih berkesan jika kita tahu lebih tentang langkah-langkah keselamatan selepas banjir supaya kita dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Sumber Rujukan : Kementerian Kesihatan Malaysia

PELANGGARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI BANGUNAN KERAJAAN




ENCIK KANNAN A/L NAGAPPAN

PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN INSPEKTORAT PEMATUHAN
DAN PENGITIRAFAN

Kes pelanggaran keselamatan yang berlaku di bangunan kerajaan menunjukkan trend peningkatan sejak kebelakangan ini. Antara kes-kes yang berlaku adalah melibatkan kecurian, kehilangan aset kerajaan, kebakaran bangunan kerajaan, kerosakan aset kerajaan, kebocoran maklumat rahsia rasmi kerajaan. Setiap penjawat awam perlu sentiasa prihatin bagi menjamin kawalan keselamatan perlindungan di bangunan kerajaan secara berterusan.

Langkah-langkah yang boleh diambil oleh setiap penjawat awam bagi menjamin keselamatan perlindungan yang berterusan adalah dengan mewujudkan pelan keselamatan perlindungan di setiap bangunan kerajaan dan dalam pelan tersebut dinyatakan semua aspek keselamatan perlindungan seperti Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi,



Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekutaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan juga Keselamatan Peribadi sepertimana yang dinyatakan dalam perengan 3 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

Setiap ketua jabatan perlu merujuk dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Ibu Pejabat atau Cawangan Negeri CGSO bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan keselamatan perlindungan serta meningkatkan kualiti dan tadbir urus keselamatan perlindungan di jabatan-jabatan kerajaan.

Sumber Rujukan : Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

CHATGPT: SUATU NIKMAT ATAU BAHANA



ENCIK MOHD AZMIE BIN TAJOL AMIRRUDIN

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT


BAHAGIAN KESELAMATAN ICT DAN RAHSIA

RASMI

Dalam meniti arus modenisasi, kita sering didedahkan dengan kepelbagaiannya perubahan dalam arus kemajuan teknologi. Sehingga ke masa kini kita sudah berupaya mengenali teknologi seperti, realiti bertambah (*Augmented Reality*), realiti maya (*Virtual Reality*), data raya (*Big Data*) dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) yang diaplikasikan penggunaannya dalam kehidupan seharian kita. Namun sejak akhir-akhir ini, seantero dunia berhadapan pula dengan suatu pembangunan perisian yang semakin meraih populariti dari kalangan pengguna yang berasaskan bidang *Natural Language Processing* (NLP), iaitu salah satu cabang dalam bidang ilmu pengkomputeran dari teknologi kecerdasan buatan. Perisian ini diberi julukan nama "ChatGPT", yang merupakan singkatan dari "*Chat Generative Pre-trained Transformer*".



Kaedah penggunaan NLP dalam penghasilan perisian ini telah terbukti berkesan sebagai medium perhubungan antara mesin dan manusia. Dengan hanya melalui input arahan berbentuk teks maklumbalas. Sebagai contoh, sekiranya seseorang pengguna memerlukan laporan analisis tentang keadaan cuaca di sekitar kawasan perumahannya, ChatGPT dengan mudah menganalisis serta mengumpul segala maklumat yang berkait rapat dengan arahan tersebut lantas mengembalikan maklumbalas yang tepat, tersusun dan bersesuaian dengan permintaan.




ChatGPT adalah produk yang dibangunkan oleh OpenAI, sebuah perusahaan yang cukup sinonim dalam bidang kecerdasan buatan yang diasaskan, Sam Altman dan berpusat di San Francisco, Amerika Syarikat. Kebolehgunaan yang dimiliki produk ChatGPT ini mampu memberikan fleksibiliti yang mapan, sehingga ia mampu digunakan sebagai alat bantuan dalam penyelidikan mahupun diintegrasikan bersama aplikasi seperti chatbot dan pembantu maya (*virtual assistance*). Di samping kelebihan utamanya dalam memahami arahan serta memberikan tindakbalas jawapan yang seakan perbualan sehari-hari manusia, ChatGPT juga mampu menterjemah emosi pengguna justeru meningkatkan kualiti perbualan dalam penggunaan perisian tersebut.

Bukan itu sahaja, antara kelebihan lain ChatGPT termasuklah berupaya menawarkan beberapa alternatif atau langkah penyelesaian yang setara dengan input pencarian maklumat dari pengguna, berfungsi secara automatik untuk mengesan kesalahan tatabahasa dan ejaan melalui input teks dari pengguna dan yang lebih menarik, ChatGPT dapat membuat penyesuaian dalam memberikan maklumbalas yang bersesuaian mengikut perwatakan pengguna yang pelbagai di alam maya. Hal ini sangat penting bagi

memastikan kepuasan kepenggunaan serta interaksi di dalam sistem dapat bertambah mutu dengan penggunaan lenggok bahasa yang bersesuaian dengan ciri atau sifat semulajadi pengguna.

Walau bagaimanapun, disebalik suatu kemegahan dalam rekacipta manusia pasti ada kekurangan yang tidak dapat diselindungi. ChatGPT memanfaatkan pembelajaran yang jitu atau "*deep learning*" dalam proses latihan dan pembelajarannya bagi memahami dan menghasilkan maklumbalas yang seumpama dengan perbualan sehari-hari manusia. Namun, kemampuan ini juga terbatas dengan kebolehannya memahami perbualan manusia yang lebih kompleks berikutan limitasi konteks pengumpulan data yang menjadi bahan rujukan dalam proses latihannya pada masa tertentu. Misalnya, terdapat juga maklumbalas yang dihasilkan oleh perisian ini bersifat terlalu diskriminatif dan tidak peka terhadap sensitiviti umum dan kadangkala juga tidak membawa hasil intrepretasi yang tepat dengan isu perbincangan semasa. Oleh kerana itu, disebalik kelebihan teknologi ini dalam memberikan informasi berbentuk teks yang dikatakan mudah, pantas dan efisien dari sudut kegunaannya, ianya masih perlu diberikan pengawasan dan usaha penilaian yang berterusan bagi mengukuhkan kualiti *output* yang dijana.



Di samping itu, ChatGPT juga dikhuatiri mampu menyebabkan pengguna lalai dalam kerja seharian melalui kebergantungan terhadap fungsi dan peranan yang dimilikinya. Malahan, kewujudan perisian ini juga mampu menjadi salah satu faktor dalam menyemai sikap acuh dan tak acuh terhadap bebanan kerja yang dipertanggungjawabkan sehingga menyebabkan berlakunya ketirisan maklumat. Sebagai contoh, penggunaannya dalam menghasilkan pembentangan atau rumusan untuk mesyuarat bagi peringkat atasan. Segala maklumat sulit jabatan yang tanpa sedar dimuat naik sebagai bahan rujukan ChatGPT bagi tujuan penjanaan rumusan, akan berpotensi untuk digunakan dalam penghasilan *output* bagi hasil query yang mendatang oleh pengguna luar. Natijahnya, kelahiran ChatGPT adalah sesuatu kebaikan yang mampu dinikmati bersama sekiranya kita bijak dan sentiasa berwaspada terhadap fungsi penggunaannya.

Sumber Rujukan:

AlAfnan, M. A., Dishari, S., Jovic, M., & Lomidze, K. (2023). *ChatGPT as an Educational Tool: Opportunities, Challenges, and Recommendations for Communication, Business Writing, and Composition Courses*. *Journal of Artificial Intelligence and Technology*.

Crawford, J., Cowling, M., & Allen, K. A. (2023). *Leadership is needed for ethical ChatGPT: Character, assessment, and learning using artificial intelligence (AI)*. , (3), 02.

<https://www.techtarget.com/searchsecurity/tip/ChatGPT-security-risks-in-the-enterprise>

KEPERLUAN KESEJAHTERAAN EMOSI DI TEMPAT KERJA



ENCIK AHMAD TAQIUDDIN BIN MAT TAJUDDIN

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN

BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KORPORAT

Kesejahteraan menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4 membawa maksud keselamatan, kesenangan, kesentosaan dan ketenteraman. Emosi pula membawa maksud perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira dan takut. Kesejahteraan emosi secara umumnya mempengaruhi bagaimana kita berfikir, merasa dan bertindak. Kesejahteraan emosi adalah penting pada setiap peringkat kehidupan kita iaitu bermula dari zaman kanak-kanak dan remaja hingga dewasa. Ia merupakan asas pemikiran, pembelajaran, komunikasi, daya tahan dan keyakinan diri seorang individu. Memasuki alam pekerjaan sudah menjadi sebahagian daripada hidup, justeru keseimbangan antara kerja dan gaya hidup sihat amat penting bagi memastikan pekerja dalam sesebuah organisasi mampu memberikan prestasi kerja yang baik. Secara umumnya, setiap pekerja meluangkan lebih kurang 50 peratus masa aktif mereka setiap hari di tempat kerja.

Ia membuktikan tempat kerja memberi kesan langsung dalam mempengaruhi fizikal, mental, ekonomi dan sosial pekerja.



Menurut hasil kajian Aris Et Al (2012) yang membuat kajian mengenai stress dalam kalangan penjawat awam, beliau mendapati sebanyak 43.1% pekerja kerap mengalami emosi cepat marah, 33.1% pekerja cepat muram dan sedih, dan 15.9% kerap hilang kawalan. Manakala Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menjelaskan pada tahun Tahun 2017 sahaja, seramai 20,000 penjawat awam bersara awal setahun disebabkan tekanan di tempat kerja. Jumlah ini akan semakin meningkat sekiranya kesejahteraan emosi pekerja tidak diambil peduli oleh majikan. Suasana kerja yang sihat adalah penting bagi memastikan kerjaya seseorang pekerja itu boleh berjaya dan berkembang serta memastikan kebajikan dan kesihatan mereka terpelihara. Setiap individu mempunyai persepsi dan reaksi yang berbeza terhadap tekanan kerja.

Sesuatu peristiwa boleh menjadikan seseorang itu merasa terancam atau terangsang, memberi galakan atau menyebabkan penolakan, gembira atau sedih, bergantung kepada sejauh mana seseorang itu sendiri memahami dan menerima situasi stress. Beban kerja biasanya menjadi faktor utama penyebab stress atau tekanan dan jika tidak dikawal ianya akan menjelaskan kesihatan mental sehingga berlakunya gejala kemurungan, kerisauan dan stress.



Justeru apakah langkah yang boleh dilakukan sekiranya situasi ini berlaku di tempat kerja? Seseorang individu itu boleh mengambil langkah dengan: -

- i. Mengubah cara pemikiran iaitu dengan mengubah cara melihat sesuatu dengan lebih baik iaitu dengan adanya pemikiran positif.
- ii. Fokus pada kekuatan diri dan mencari peluang untuk berjaya serta berubah dengan cara yang lebih positif.
- iii. Individu juga boleh secara perlahan-lahan mengubah tingkah laku dengan bersikap tegas pada keadaan yang memerlukan.
- iv. Lakukan pekerjaan dengan teratur mengikut keutamaan dalam jadual hidup. Alihkan gangguan stress dengan meluangkan masa untuk diri sendiri, bertenang dan berfikir secara logik.
- v. Mengubah gaya hidup iaitu dengan mengamalkan pemakanan sihat, tidak merokok, melakukan senaman secara berkala, corak tidur yang sihat dan bersantai.

Dengan mengikuti langkah-langkah di atas, seseorang itu boleh menguruskan tekanan sekaligus dapat membantu memastikan kesejahteraan emosi mereka di tempat kerja terpelihara. Selain langkah proaktif yang diambil oleh individu, majikan juga boleh: -

- i. Menyediakan persekitaran tempat kerja yang teraputik, bersih dan selamat.
- ii. Keperluan asas pekerja disediakan dengan secukupnya.
- iii. Hubungan yang saling menyokong, kuat, bersepadu.
- iv. Menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan pekerja.

dengan keprihatinan itu, nilai tambah kesejahteraan emosi dan motivasi pekerja dapat digapai. Kesedaran semua pihak mengenai isu kesejahteraan emosi ini perlu ditingkatkan disebabkan saban hari kita didedahkan dengan berita dan isu kesihatan mental yang semakin kritikal kebelakangan ini.



Maka, Adalah penting untuk individu mengekalkan keseimbangan antara kehidupan dan kerja untuk mengurangkan tekanan dan stress serta meningkatkan prestasi kerja. Secara kesimpulannya, dalam mengambil langkah untuk menjaga keseimbangan antara kehidupan dan kerja, penting untuk diingat bahawa tidak ada satu formula yang sesuai untuk semua orang namun dengan cuba menguruskan emosi dan menjaga kesejahteraan di tempat kerja, kesejahteraan emosi akan menjadi lebih baik.



Sumber Rujukan:

1. Aris Et Al (2012) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tekanan Kerja Di Kalangan Kakitangan Hospital Kerajaan
2. Firdaus, Astro Awani Online, 21 Februari 2019

OBESITI



PUAN INTAN ZU LIANA BINTI LATIF

PEMBANTU KESELAMATAN
UNIT INTEGRITI

Obesiti di Malaysia kian membimbangkan kerana statistik menunjukkan ianya semakin meningkat saban tahun di kalangan rakyat tidak mengira peringkat umur dan jantina. Merujuk kepada Laporan Semakan Populasi Dunia 2019, Malaysia menduduki tempat pertama di kalangan negara ASEAN dan kedudukan ke enam di rantau Asia Pasifik. Lelaki dikatakan obesiti sekiranya mempunyai kadar lemak berlebihan sebanyak 25%. Manakala wanita pula dikatakan obesiti apabila lebihan lemak sebanyak 35%.


Obesiti merupakan keadaan kesihatan dimana lemak badan berlebihan yang terkumpul sehingga ke satu tahap yang boleh menjadikan kesihatan dan kemampuan tubuh badan seseorang. Ianya berpunca akibat daripada amalan gaya hidup yang tidak sihat dan pemakanan yang tidak seimbang, ditambah pula dengan diri sendiri yang malas bersenam.

Obesiti adalah salah satu penyakit kronik yang memerlukan rawatan susulan berpanjangan, terapi dan perhatian yang wajar oleh pengamal perubatan dari semasa ke semasa.

Bilakah saya obes?

Langkah paling mudah untuk menentukan seseorang itu terlebih berat badan atau obes adalah melalui ukuran Indek Jisim Badan (BMI).

$$\text{BMI} = \frac{\text{Berat (kg)}}{\text{Tinggi (m}^2\text{)}}$$



©The Star Graphics

Siapakah yang tergolong dalam obesiti ? Mereka adalah yang terdiri daripada;


- Mempunyai berat badan sekurang-kurangnya dua kali lebih berbanding ukuran ideal;
- Mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 45 kilogram melebihi berat badan sepatutnya;
- Indeks Jisim Badan (BMI) melebih 40 hingga 35. BMI adalah indeks pengukuran berat badan berbanding dengan ketinggian; dan
- Mengalami beberapa penyakit seperti tekanan darah tinggi, sakit jantung, diabetes (kencing manis) dan kanser.

Obesiti terbahagi kepada beberapa jenis iaitu;

1. Kegemukan akibat pemakanan yang berpunca daripada pemilihan jenis makanan atau cara pemakanan tidak sihat yang sememangnya boleh mempengaruhi kenaikan berat badan;
2. Kegemukan akibat kurang bersenam dan akan mengakibatkan pengumpulan lemak disekitar dada sehingga perut di bahagian bawah, atau di bahagian punggung;
3. Kegemukan akibat berasa cemas yang akan mempengaruhi hormon tertentu di dalam tubuh badan seseorang. Apabila mengalami pelbagai perasaan yang buruk seperti tertekan dan cemas, anda cenderung untuk mempunyai nafsu makan yang lebih tinggi;
4. Kegemukan vena yang berlaku disebabkan aliran pembuluh darah vena yang tersumbat akibat keturunan dan pengambilan makanan yang tinggi lemak;
5. Kegemukan gluten yang lebih banyak dialami oleh wanita yang sudah memasuki fasa monopaus. Kegemukan gluten adalah jika terdapat lemak yang berlebihan pada bahagian pinggang; dan
6. Kegemukan aterogenik yang berpunca daripada keadaan kerintangan insulin. Insulin merupakan sejenis hormon penting yang berfungsi mengawal paras gula darah dan mengubah tenaga menjadi lemak juga berfungsi sebagai tempat simpanan lemak.

Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah obesiti iaitu pemakanan yang seimbang, makanan yang sesuai, amalan senaman yang efektif, mengubah gaya hidup yang lebih sihat dan mengambil ubat-ubatan yang sesuai dan dibawah pemantauan pengamal perubatan yang bertauliah.

Obesiti bukanlah satu masalah yang boleh dianggap ringan dan mudah. Obesiti membawa kesusahan dan mengancam kesihatan kita. Memandangkan kesannya adalah bahaya dan boleh membawa kepada kematian, anda seharusnya mengambil langkah berjaga-jaga dengan sewajarnya diusia muda untuk menjaga kesihatan kerana tubuh badan merupakan satu anugerah dan amanah yang harus dijaga dengan baik. Bak kata pepatah melayu, sediakan payung sebelum hujan. Jangan sudah terhantuk, baru nak terngadah. Sesungguhnya mencegah lebih baik daripada merawat. Amalkan gaya hidup sihat dan pemakanan yang seimbang demi meningkatkan tahap kesihatan diri seterusnya menjamin masyarakat yang harmoni serta sihat sejahtera dan bebas dari obesiti.



MALAYSIA JUARA PENDUDUK PALING **GEMUK** DI NEGARA ASEAN



PERATUSAN OBESITI DI KALANGAN PENDUDUK

Malaysia



15.6%

Brunei



14.1%

Thailand



10.0%

Indonesia



6.9%

Filipina



6.4%

Singapura



6.1%

Myanmar



5.8%

Laos



5.3%

Kemboja



3.9%

Vietnam



2.1%

Sumber : obesity.procon.org

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN OKTOBER NOVEMBER DAN DISEMBER 2023

BIL	AKTIVITI OKTOBER 2023	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI SIRI 3/2023	11-12 OKTOBER 2023	32
2.	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP 19 DI JPM DAN PELBAGAI JABATAN	17 OKTOBER 2023	30
3.	KURSUS PEGAWAI PENGELAS SIRI 4/2023	18-19 OKTOBER 2023	32
4.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SIRI 4/2023	18-19 OKTOBER 2023	30
5.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SIRI 2/2023	24-25 OKTOBER 2023	82
6.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) SIRI 6/2023	24-26 OKTOBER 2023	147
7.	KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU SKIM PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP29 DAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11	01-05 OKTOBER 2023	235
8.	KURSUS PROTOKOL DAN PENGURUSAN MAJLIS SIRI 1/2023	09-10 OKTOBER 2023	44
9.	KURSUS BASIC LIFE SUPPORT – CPR SIRI 2/2023	24 OKTOBER 2023	28
10.	KURSUS TRAINING OF TRAINERS KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 3/2023	25-26 OKTOBER 2023	29
JUMLAH			689



BIL	AKTIVITI NOVEMBER 2023	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS TRAINING OF TRAINERS INSPEKTORAT SIRI 2/2023	1-2 NOVEMBER 2023	18
2.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN	07-09 NOVEMBER 2023	88
3.	KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL	07-09 NOVEMBER 2023	45
4.	KURSUS SASARAN PENTING KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN	07-09 NOVEMBER 2023	97
5.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN	15-16 NOVEMBER 2023	29
6.	KURSUS KEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN	15-16 NOVEMBER 2023	31
7.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN	20-21 NOVEMBER 2023	121
8.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT	20-21 NOVEMBER 2023	21
9.	BENGKEL PENULISAN ILMIAH SIRI 2/2023	16-17 NOVEMBER 2023	17
10.	BENGKEL PENAMBAHBAIKAN SUKATAN PEPERIKSAAN DAN JADUAL PENENTU UJIAN (JPU) BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN DAN PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN SIRI 2/2023	21-22 NOVEMBER 2023	18
JUMLAH			485

BIL	AKTIVITI DISEMBER 2023	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	BENGKEL KESINAMBUNGAN PENETAPAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) 2024 INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA	04-05 DISEMBER 2023	37
2.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK (KPM1010) SIRI 5/2023	05-06 DISEMBER 2023	43
JUMLAH			80

**“KURANG AJARNYA TETAP SANTUN,
LEMBUTNYA CUKUP JANTAN,
DAJALNYA MASIH SELAMBA,
NAKALNYA BERSULAM JENAKA,
MENIKAM DENGAN PANTUN,
MENYANGGAH DENGAN SENYUMAN,
MARAHNYA DALAM TERTAWA,
MERENDAH BUKAN MENYEMBAH,
MENINGGI BUKAN MELONJAK.”**

**– USMAN AWANG
SASTERAWAN NEGARA**





**ENCIK AHMAD ZULKIFLI BIN MOHD NOR
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN KP29**

4 Januari 2010 sehingga 16 Mac 2020

Pembantu Keselamatan KP19

Agensi Nuklear Malaysia

16 Mac 2020 sehingga 11 Disember 2023

Penolong Pegawai Keselamatan KP29

Institut Latihan Perlindungan Keselamatan

Malaysia (ILKEM)

11 Disember 2023 sehingga kini

Penolong Pegawai Keselamatan KP29

Agensi Nuklear Malaysia



**B E R I T A
P E R K H I D M A T A N**



**ENCIK MOHAMAD AFIF BIN ROSLAN
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN KP29**

1 Mac 2013 sehingga 11 Disember 2023

Penolong Pegawai Keselamatan KP29

Agensi Nuklear Malaysia

11 Disember 2023 sehingga kini

Penolong Pegawai Keselamatan KP29

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan
Malaysia (ILKEM)



SESI LAPOR DIRI PENGAMBILAN BAHARU PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN (KP29) DAN PENGAWAL KESELAMATAN (KP11) PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO), JABATAN PERDANA MENTERI DIADAKAN PADA 11 SEPTEMBER 2023 BERTEMPAT DI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, CGSO telah mencatat sejarah apabila

seramai 210 orang pelatih telah melaporkan diri di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan. Jumlah berkenaan merangkumi daripada 12 orang merupakan Penolong Pegawai Keselamatan (KP29) manakala bakinya 198 orang merupakan Pengawal Keselamatan (KP11). Sesi lapor diri dan pengambilan pada kali ini merupakan jumlah tertinggi yang pernah dicatatkan bagi pengambilan perjawatan dibawah

Ketua Perkhidmatan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri.

Pengambilan secara besar-besaran ini adalah bagi mengisi kekosongan perjawatan Penolong Pegawai Keselamatan (KP29) dan Pengawal Keselamatan (KP11) di Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan di seluruh Malaysia. Para pelatih telah menjalani Kursus Asas Keselamatan Perlindungan Lantikan Baharu Skim Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 dan Pengawal Keselamatan KP11 Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)



sesi pendaftaran pelatih Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 dan Pengawal Keselamatan Gred KP11

bermula pada 11 September 2023 sehingga 5 Oktober 2023. Antara perkara yang diberi tumpuan dan penekanan sepanjang kursus asas ini berlangsung adalah pendedahan terhadap skop tugas CGSO, disiplin, fizikal dan mental sebagai persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan sebagai Keluarga CGSO.



Diharapkan agar para pelatih yang menjalani kursus asas ini sentiasa ingat akan pesanan ahli keluarga yang rata-ratanya berpesan agar menjaga nama baik keluarga dan lakukan yang terbaik demi keluarga tercinta.



“KESIHATAN & MASA”
merupakan aset terbaik dalam hidup kita

– DATO’ DR. SHEIKH
MUSZAPHAR SHUKOR



MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN BAGI LANTIKAN BAHARU SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (KP) BAGI PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP29 DAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 DIADAKAN DI ILKEM PADA 05 OKTOBER 2023.



BARISAN PENGURUSAN TERTINGGI CGSO

Pada 05 Oktober 2023, Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan bagi 210 orang pegawai Lantikan Baharu Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP) telah diadakan. Terdiri daripada 9 orang pelatih lelaki,

2 orang pelatih perempuan bagi jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 dan 130 orang pelatih lelaki serta 69 orang pelatih perempuan bagi jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11.

AMANAT KETUA PENGARAH CGSO

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO).





PERBARISAN TAMAT LATIHAN

Kursus asas yang dilaksanakan telah bermula pada 11 September 2023 ini merupakan kursus wajib yang harus dilalui oleh setiap pegawai CGSO yang baharu dilantik. Modul latihan yang digunakan adalah modul latihan yang dibina oleh Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) khusus untuk kursus asas pada kali ini. Kesemua pelatih telah didedahkan kepada modul Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan yang

melibatkan empat (4) fasa utama seperti berikut:

4 FASA UTAMA

Fasa Pertama : Latihan fizikal, aktiviti pengukuhan peribadi dan kumpulan;

Fasa Kedua : Ilmu-ilmu asas dan pengetahuan berkaitan fungsi serta tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam;

Fasa Ketiga : Aktiviti - aktiviti berkumpulan bagi mengembangkan potensi dan minat para pelatih dalam perkhidmatan awam; dan

Fasa Keempat : Ujian dan penilaian potensi diri para pelatih





PEMERIKSAAN BARISAN

Kesemua pelatih yang telah selesai menjalani Kursus Asas Keselamatan Perlindungan ini akan dihantar ke tempat bertugas di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan seluruh negara.



KURSUS PENGUKUHAN KADER SKIM KP, PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA, INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

Pihak Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Kursus Pengukuhan Kader Skim

Keselamatan Pertahanan (KP) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang telah dilaksanakan bermula pada 15 hingga 20 Oktober 2023. Kursus Pengukuhan Kader CGSO ini adalah kemuncak kepada Karnival Sukan Inter CGSO yang telah dijalankan melibatkan 10 Jabatan/Agensi/Gabungan.

Kursus Pengukuhan Kader Skim KP ini melibatkan seramai 200 orang peserta dari 10 Jabatan/Agensi/Gabungan, antaranya adalah daripada Ibu Pejabat CGSO, Kementerian Kewangan, Parlimen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hospital Kuala Lumpur (HKL), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Agensi Nuklear Malaysia dan Gabungan Kader-Kader yang lain.

Antara aktiviti yang telah dipertandingangkan adalah Sepakan Dari Tanda Penalti, Tarik Tali, Ping Pong, Dart, Karom, Dodge Ball, Bola Jaring (Jaringan Penalti), Sepak Raga Bulatan dan juga Bola Baling. Aktiviti berunsur kerakyatan ini juga diketengahkan bagi memeriahkan lagi aktiviti kursus Pengukuhan Kader sepanjang berkursus di sini. Dengan adanya aktiviti yang lebih menarik di dalam Kursus Pengukuhan Kader Skim KP sebegini ianya dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja ke tahap yang lebih cemerlang

di samping ianya dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai CGSO bersama dengan jabatan-jabatan lain.



"PERTANDINGAN TARIK TALI"



"PERTANDINGAN DAM HAJI"



"PERTANDINGAN PINGPONG"



"PERTANDINGAN BOLA KAMPUNG KAIN PELIKAT"



"PERTANDINGAN DART"



"PERTANDINGAN LARI DALAM GUNI DAN TARIK GUNI"



"PERTANDINGAN LARIAN KAKI IKAT"



"PERTANDINGAN BOLING KELAPA"



PENGANTIN CANTIK



Majlis Bacaan Yassin



PENGETAHUAN YANG BAIK, ADALAH YANG MEMBERI MANFAAT, BUKAN HANYA DIINGAT
~ IMAM SYAFI'E ~



PROGRAM FUN RUN

2023



Pada 21 Oktober 2023 telah berlangsung Program Fun Run CGSO 2023 yang merupakan kemuncak kepada Kursus Pengukuhan Kader Skim Keselamatan Pertahanan (KP) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Program Fun Run CGSO 2023 ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Abdul Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri bersama YBhg. Datuk Abdul Halim bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan & Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri dan YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Acara larian Fun Run ini berjarak sejauh 5 kilometer melibatkan penyertaan seramai 1200 orang peserta yang terdiri daripada warga CGSO, agensi Kerajaan dan Swasta, dewasa dan kanak-kanak serta penglibatan komuniti setempat dan sekolah-sekolah sekitar Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

Penganjuran Program Fun Run CGSO 2023 ini bertujuan untuk memperkenalkan CGSO kepada

masyarakat dan komuniti setempat serta untuk terlibat sama dalam usaha Kerajaan sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih sihat.

Di kesempatan ini, CGSO mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya kepada pihak penaja, pemamer dan rakan strategik termasuk agensi Kerajaan dan Swasta bagi menjayakan program Fun Run CGSO 2023.



Kelihatan YBhg. Dato' Rahimi Bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) menamatkan larian bersama-sama YBrs. Roselan Bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM).



Tiupan wisel panjang dimainkan menandakan larian telahpun bermula





Peserta kanak-kanak berjaya menhabiskan larian sejauh 5 kilometer.

**“JADILAH SEPERTI POHON YANG
TUMBUH DAN BERBUAH LEBAT.
DILEMPAR DENGAN BATU, TETAPI
MEMBALASNYA DENGAN BUAH.”**

– ABU BAKAR AS SIDIQ



Pemenang *Fun Run* bagi Kategori Remaja Lelaki



Pemenang *Fun Run* bagi Kategori Remaja Perempuan



Pemenang *Fun Run* bagi Kategori Dewasa Lelaki



Pemenang *Fun Run* bagi Kategori Dewasa Perempuan



Penyampaian pingat disampaikan oleh YBhg. Dato' Rahimi Bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) kepada YBhg. Datuk Abdul. Shukor Bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri.



Penyampaian pingat disampaikan oleh YBhg. Dato' Rahimi Bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) kepada YBhg. Datuk Abdul Halim Bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan & Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri.



“FIKIRKAN HAL-HAL YANG PALING HEBAT, DAN ENKAU AKAN MENJADI YANG TERHEBAT. TETAPKAN AKAL PADA HAL TERTINGGI, DAN ENKAU AKAN MENCAPAI YANG TERTINGGI.”

CABUTAN BERTUAH





Keluarga ILKEM dan CGSO Ceria Selalu





Keluarga ILKEM dan CGSO Ceria Selalu





Antara Pameran

yang disediakan buat pengunjung







Antara Gerai Makanan yang disediakan buat pengunjung





Terdapat juga aktiviti sampingan bersama anak kecil berhibur seperti Zumba Kids, pertandingan mewarna dan juga pertandingan bakat kanak-kanak ianya menjadi seri keceriaan di dalam Program Fun Run ini.



KURSUS PROTOKOL DAN PENGURUSAN MAJLIS

Pada 09 hingga 10 Oktober 2023 dihadiri seramai 44 orang peserta bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Penceramah terdiri daripada YBrs Ts Dr. Rohaizan bin Daud, Perunding Latihan Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Encik Normal Reza bin Noordin, Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Protokol) Bahagian Istiadat dan Urusetia Antarabangsa.



Objektif Kursus adalah:-

- Menyenaraikan teori dan amalan protokol serta etiket sosial dalam pengurusan majlis;
- Mengaplikasi kaedah dan tata cara protokol serta etiket sosial yang betul
- Mengenalpasti teknik dan tips menjadi pengacara majlis dan pembaca doa yang baik.

KURSUS BASIC LIFE SUPPORT CPR SIRI 2/2023

Pada 24 Oktober 2023, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Kursus Basic Life Support CPR Siri 2/2023. Seramai 40 peserta telah hadir di dalam Kursus ini. Kursus ini telah dirumus khas untuk memberikan pengetahuan asas kepada peserta mengenai peringkat-peringkat tindakan awal pertolongan cemas kepada mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan sebelum ketibaan pasukan perubatan.

Malang tidak berbau dan boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja - baik di pejabat, kawasan pengilangan, di jalan raya dan di rumah. Maka wujudlah keperluan untuk warga kerja bersedia untuk memberi pertolongan cemas kepada mangsa kemalangan.



Objektif Kursus:-

Setelah menghadiri kursus, peserta-peserta akan dapat:-

- Menyedari bagaimana ilmu dan kemahiran pertolongan cemas dapat membantu mangsa yang tercedera
- Mempelajari cara mengangkat dan menghantar pesakit menggunakan *stretcher*
- Menggunakan kaedah pertolongan cemas *CPR*
- Menggunakan dengan betul kaedah *emergency first aid* untuk kecederaan seperti luka, pendarahan, melecur, terbakar, patah dan terseliuh
- Mendapat nasihat pakar bagaimana untuk meningkatkan khidmat pertolongan cemas dalam organisasi



KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) SIRI 6/2023

Ketirisan maklumat sering berlaku di jabatan kerajaan dan satu mekanisme kawalan yang mampan perlu dilaksanakan dengan sewajarnya supaya impak negatif kepada reputasi Kerajaan dapat dielakkan. Persekitaran dan cara kerja turut berubah seiring dengan perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Justeru, Ketua Jabatan telah diarahkan memberi perhatian yang serius untuk meningkatkan kualiti dan tadbir urus keselamatan perlindungan di Jabatan masing-masing memandangkan kini senario ancaman keselamatan masa kini semakin mencabar dan tidak menentu.



Oleh itu, satu Kursus Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) siri 6/2023 telah diadakan pada 24 Oktober 2023 sehingga 26 Oktober 2023 bertempat di Auditorium, Institut Latihan Keselamatan perlindungan Malaysia (ILKEM) yang melibatkan seramai 147 peserta daripada Ketua Bahagian dan Pegawai Awam yang dilantik sebagai PPKJ. Objektif kursus ini adalah bagi meningkatkan kefahaman kepada mereka mengenai dasar, peraturan dan sistem kawalan keselamatan dalam jabatan kerajaan, meningkatkan kemahiran dalam melaksanakan arahan-arahan ke atas semua aspek keselamatan dokumen dan maklumat rasmi jabatan, bangunan dan harta benda kerajaan daripada sebarang ancaman, kecurian, kebakaran dan sebagainya dengan mengambil kira langkah-langkah melindungi, selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.



Kursus ini telah dijayakan dengan kerjasama penceramah Puan Tun Zazarina binti Zainal Abidin, Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Encik Kannan A/L Nagappan, Bahagian Inspektorat, Pematuhan dan Pengiktirafan, CGSO dan Tuan Haji Amiruddin Aziz, Bahagian Pengurusan, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH).



"SESIAPA YANG TIDAK PERNAH MENGECAPI PAHIT GETIR MENUNTUT ILMU
WALAUPUN SEKETIKA, MAKA IA AKAN TERJERUMUS DALAM KEHINAAN KEJAHILAN
SEUMUR HIDUPNYA."

~ IMAM SYAFIE ~

>>> PENDAKIAN <<<

BUKIT MELATI ILKEM



SETERUSNYA <<<

Bukit Melati ini terletak di Putra Nilai, Negeri Sembilan. Nama bukit ini diperolehi dari Taman yang berhampiran iaitu Aman Desa Melati. Lokasi ini adalah ideal dengan ketinggian hanya 370 meter sahaja. Terdapat beberapa Bukit di sepanjang laluan ke puncak seperti Bukit Lipan, Bukit Monkey, Bukit Cobra dan Bukit Nyamuk dan yang terakhir adalah Bukit Helang.

Pada 03 November 2023, sekali lagi Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Program Pendakian Bukit Melati di bawah anjuran Biro Rekreasi.





>>> SETERUSNYA

Pendakian ini mengambil masa keseluruhan kira-kira 2 jam untuk sampai ke kemuncak, Bukit Helang. Pendakian ini sangat mencabar kerana di setiap laluan ada kalanya mendata dan adakalanya menaik ke atas dan juga turun ke bawah sungguh memainkan jiwa seseorang pendaki. Namun, ILKEM berjaya menawan puncak Bukit Melati dengan jayanya tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini seiring dengan kegembiran yang menyerlah di riak muka masing-masing.

SETERUSNYA <<<

Secara tidak lansung program seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara warga ILKEM. Secara mudahnya difahami, wujudnya talian persahabatan, talian kasih dan penyambung kepada sesuatu kehendak yang mahukan kebaikan di dalam kehidupan.



MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN SEMPENA MENJAYAKAN PROGRAM FUN RUN

Pada 15 November 2023 telah berlangsung Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Sempena Menjayakan Program Fun Run di Dewan Auditorium, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Nilai, Negeri Sembilan kepada penaja-penaja, pempamer dan rakan strategik termasuk agensi Kerajaan dan Swasta sebagai tanda penghargaan dan terima kasih bagi menjayakan Program *Fun Run* CGSO 2023.



Program *Fun Run* CGSO 2023 telah diadakan pada 21 Oktober 2023 yang lalu bertempat di ILKEM. Program ini disertai seramai 1200 orang peserta bagi acara *Fun Run* dan juga acara-acara lain seperti Zumba Kanak-Kanak, Pameran Kereta (*Auto Show*), pertandingan Bola Sarung dan banyak lagi. Pencapaian ini pastinya tidak dapat dikecapi tanpa usaha dan kerjasama yang baik dari semua pihak terutamanya pihak urus setia dan penaja program.



Dalam ucapan penutup, YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) berharap agar program seumpama ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang dan hubungan dengan semua pihak akan terus berkekalan.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBrs. Puan Julaila Binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar), YBrs. Tuan Haji Mohd. Najib Bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi), YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan wakil Koperasi CGSO, wakil Kelab Sukan dan Kebajikan (KESKEB) serta wakil Puspanita Cawangan Kecil CGSO.



BENGKEL PENULISAN ILMIAH BERSAMA INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

Pada 16 dan 17 November 2023, Unit Penyelidikan dan Keurusetiaan di bawah Program Akademik dan Kompetensi, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Bengkel Penulisan Ilmiah Siri 2/2023 bertempat di Bilik Tutorial 4, Aras G, Blok Akademik ILKEM.



Antara penceramah yang terlibat di dalam bengkel Penulisan Ilmiah Siri 2/2023 ialah Dato' Dr. Roslan bin Mahmood, Timbalan Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Dr. Periasamy A/L Gunasekaran, Felo Penyelidikan Kanan, Unit Penyelidikan dan Konsultasi INTAN, Encik Murali A/L Rajaram, Perunding Latihan Kanan, Sub Pengajian Pengurusan INTAN dan Encik Afdzal bin Zainal Alam, Perunding Latihan, Sub Pembangunan Kejurulatihan INTAN.



Bengkel Penulisan Ilmiah Siri 2/2023 diadakan kepada pegawai dan kakitangan CGSO. Objektif bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang teknik penulisan berkualiti dalam penghasilan penulisan ilmiah seperti artikel atau jurnal berkaitan dengan keselamatan perlindungan. Selain itu, objektif bengkel ini diadakan juga untuk menggalakkan lagi penyertaan penghasilan penulisan ilmiah untuk dimasukkan ke dalam E-Buletin ILKEM.





"JANGAN MERUMITKAN PERKARA YANG SIMPLE"

DATO' DR. ROSLAN BIN MAHMOOD, INTAN



**"JANGAN BAZIRKAN MASA KEPADA
PERKARA YANG SAMA,"**

DR. PERIASAMY A/L GUNASEKARAN, INTAN



**"KAWAL EMOSI , KAWAL AKAL ,
JANGAN TUNDUK"**

ENCIK MURALI A/L RAJARAM, INTAN



"PERCAKAPAN KITA AKAN TERSUSUN BILA KITA BERILMU"

ENCIK AFDZAL BIN ZAINAL ALAM, INTAN



ANTARA PESERTA YANG BERJAYA MENGHASILKAN PENULISAN ILMIAH BAGI BENGKEL SIRI 2/2023



CENDERAMATA BUAT PENCERAMAH INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN SUKATAN PEPERIKSAAN DAN JADUAL PENENTU UJIAN (JPU) BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN DAN PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN SIRI 2/2023

Pada 21 hingga 22 November 2023 yang lalu Program Akademik dan Kompetensi, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Bengkel Penambahbaikan Sukatan Peperiksaan dan Jadual Penentu Ujian (JPU) Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan dan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Jabatan Siri 2/2023 bertempat di Bilik Perbincangan Kajian Sasaran Penting , ILKEM. Bengkel ini telah disertai oleh pelbagai gred pegawai-pegawai CGSO daripada negeri dan bahagian-bahagian ibu pejabat KPKK.



Objektif bengkel ini adalah menambahbaik sukatan peperiksaan perkhidmatan subjek jabatan dan peperiksaan PSL selaras dengan perubahan dan pertambahan akta/arahan pekeliling dan garis panduan yang terkini selaras dengan perkembangan semasa dan menambah Jadual Penentu Ujian (JPU) bagi membantu para penggubal soalan dalam menyediakan soalan-soalan peperiksaan selaras dengan sukatan peperiksaan terkini.

Antara penceramah yang terlibat di dalam bengkel Penambahbaikan Sukatan Peperiksaan Dan Jadual Penentu Ujian (JPU) Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Dan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Di Jabatan Perdana Menteri Dan Pelbagai Jabatan Siri 2/2023 ialah Encik Muhamad Fikrie bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Encik Muhammad Haniff bin Huzaizi , Penolong Pegawai Tadbir JPA.

Pihak Program Akademik dan Kompetensi amat berterima kasih kepada tenaga penceramah kerana sudi berkongsi ilmu sepanjang 2 hari di program bengkel ini. Terima kasih kepada semua peserta yang sama-sama menjayakan program ini, dan terima kasih juga kepada YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed pengarah ILKEM yang sudi menyampaikan cenderamata kepada penceramah.



INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

GALA DINNER ILKEM 2023

@ KOTA SERIEMAS GOLF & RESORT



SETERUSNYA <<<

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) YBrs. Tuan Haji Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan (Sektor Operasi) CGSO, YBrs. Puan Julaila bt Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan (Sektor Dasar) CGSO dan YBrs. Encik Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM).

Pada 06 Disember 2023, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Majlis Gala Dinner buat julung kalinya bagi tahun 2023 bertempat di Kota Seriemas Golf and Resort. Majlis Gala Dinner ini melibatkan semua warga ILKEM seramai 40 ahli. Majlis ini dikendalikan sepenuhnya oleh Biro Rekreasi, ILKEM.



>>> SETERUSNYA

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) YBrs. Tuan Haji Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan (Sektor Operasi) CGSO, YBrs. Puan Julaila bt Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan (Sektor Dasar) CGSO dan YBrs. Encik Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM).

SETERUSNYA <<<

Antara objektif majlis ini adalah mengeratkan silaturahim dan mewujudkan jaringan perhubungan di kalangan warga ILKEM meningkatkan interaksi, keaktifan dan kerjasama yang lebih progresif antara warga ILKEM serta memberikan penghargaan kepada warga ILKEM di atas usaha yang telah disumbangkan dalam menaikkan nama ILKEM serta bertungkus lumus dalam menjayakan program yang diadakan di ILKEM sepanjang tahun 2023.



>>> SETERUSNYA

Bertemakan Character In Movie telah memeriahkan majlis pada kali ini dengan pelbagai watak yang menyerlah di antaranya seperti watak Erik di dalam filem The Phantom Of Opera, Darth Vader di dalam filem Star Wars, Johnny Depp di dalam filem Jack Sparrow, Harley Quinn di dalam filem Suicide Squad, Queen Ravenna di dalam filem the huntsman, Tokyo di dalam filem Money Heist, Mulan dan lain-lain dan turut diserikan lagi dengan watak di filem tempatan seperti Abuja, Munafik 2, Rimba Bara, Cik Man di dalam filem Rock Oh, Zack di dalam filem Azura, Mat Kilau, Barkoba di dalam 18 Puasa di Kampung Pisang dan lain-lain lagi.



>>> SETERUSNYA

Sebanyak 15 hadiah cabutan utama telah diberikan kepada yang bertuah, dan sebanyak 40 hadiah cabutan pertukaran bagi warga ILKEM turut diadakan. Selain itu, pemenang pakaian bagi tema Character In Movie bagi kategori lelaki telah di menangi oleh Johnny Depp di dalam filem Jack Sparrow, manakala bagi perempuan telah dimenangi oleh Harley Quinn di dalam filem Suicide Squad. Majlis ini turut diserikan lagi dengan persembahan berkumpulan warga ILKEM dengan mengikuti program masing-masing untuk dipertandingkan

SETERUSNYA <<<

dan pemenang bagi persembahan kumpulan terbaik jatuh kepada Program Kursus Asas dan Pegawai (AKP) dengan membawa lakonan yang bertajuk Rock Oh.



**"HIDUP MEMERLUKAN PENGORBANAN
MANAKALA PENGORBANAN MEMERLUKAN
PERJUANGAN DAN PERJUANGAN
MEMERLUKAN KETABAHAN DAN KETABAHAN
MEMERLUKAN KEYAKINAN DAN KEYAKINAN
PULA MENENTUKAN KEJAYAAN DAN
KEJAYAAN PULA AKAN MENENTUKAN
KEBAHAGIAAN."**

Antara karakter yang dipertontonkan di malam Gala Dinner ILKEM 2023





>>> SETERUSNYA

Ucapan YBhg. Dato' Rahimi Bin Ismail Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) di malam Gala Dinner 2023

HADIAH CABUTAN BERTUAH





SETERUSNYA <<<

Hadiah utama cabutan bertuah dimiliki oleh Cik Varnida binti Abdul Azim daripada Bahagian Pendaftar ILKEM



>>> SETERUSNYA

YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) memberikan hadiah dan cenderamata kepada YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) YBrs. Tuan Haji Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan (Sektor Operasi) CGSO, dan YBrs. Puan Julaila bt Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan (Sektor Dasar) CGSO kerana sudi menghadiri Majlis Gala Dinner ILKEM 2023 dan menjadi juri di dalam pertandingan *Catwalk* dan pertandingan persembahan warga ILKEM.



SETERUSNYA <<<

*Pemenang Catwalk King dimiliki
oleh*

Encik Ahmad Zulkifli bin Mohd Nor
Program Akademik dan Kompetensi



>>> SETERUSNYA

*Pemenang Catwalk Queen dimiliki
oleh*

Puan Amirah binti Abu Bakar
Program Pendidikan dan Kesedaran
Keselamatan Perlindungan



SETERUSNYA <<<

*Persembahan Terbaik dimilik
oleh*

Program Asas dan Kemahiran Pegawai



*Warga ILKEM Malam Gala Dinner ILKEM
2023*





ILKEM OH ILKEM



MUHAMMAD SHARALI NURUL EZAM BIN RAMLI

Penolong Pegawai Keselamatan KP29

PUSPEN Muar

Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia
(AADK)

Urusetia bersengkang mata,
Berkhidmat tanpa mengira
masa,

Soal kebajikan sentiasa diutama
Agar pelatih ceria dan selesa.

Komandan dan timbalannya
lain pula cerita.

Bersifat tegas, berhati mulia,
Menyantuni staf, pelatih serta
semua yang ada
Angkat martabat Ilkem
dipersada dunia..

5hb Oktober tarikh keramat,
Tamat latihan penuh semangat,
KP hadir, turut basah keringat,
Tanpa putus tiup kata hikmat..

Selesai sudah majlis ini,
Bawa bersama surat lapor diri
Kepada pelatih yg dikasihi
Berkhidmatlah dan berbakti
demi ibu pertiwi.

Antara keringat dan air mata
menggapai cita-cita

Tanggal 11 September 2023,
Kakiku melangkah ketempat asing,
sebuah negeri yang beradat & berluak
Disini ku rasa lain dari yang lain

Disini bermulanya kehidupanku yang
baru,
Diasak bertubi demi membina jati diri,
Integriti dan semangat setiakawan
memang teruji.

Aku termenung dan termanggu
sendirian

Hingga tempikan jurulatih
mengejutkan aku dari lamunan.
Berjemur berguling rutin seharian
Berbumbung langit dan juga awan
Dua tiga sebutan lakuan

Fasilitator pula berbagai bayang
Sesuai dengan watak dan peranan
Menyemai ilmu serta pengetahuan
Bekal hadapi pancaroba alam
pekerjaan.

PUSAT SUMBER ILKEM

PEMENANG PROGRAM SEMARAK MERDEKA ANJURAN PUSAT SUMBER

Pada 28 November 2023, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Program Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang-Pemenang Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Foto Kreatif yang bertemakan Kemerdekaan yang telah berlangsung pada 15 Ogos hingga 15 September 2023 yang lalu. Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) serta diiringi YBrs. Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM.

Program ini merupakan salah satu medium bagi warga ILKEM untuk memberi kesedaran dan menanam semangat patriotisme dalam kalangan warga ILKEM bersempena bulan Kemerdekaan. Pertandingan ini turut memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran motor halus dan kasar mereka menjadi lebih baik. Pertandingan ini telah diadakan secara mini dan tertutup sempena minggu Bulan Kemerdekaan bagi kalangan warga ILKEM.

Matlamat utama pengajuran aktiviti bersempena sambutan Kemerdekaan bagi memupuk semangat patriotisme dan cinta akan negara di samping mencungkil bakat-bakat terpendam warga ILKEM dalam bidang seni mewarna dan kreativiti dalam bergambar.



PEMENANG PERTANDINGAN MEWARNA MERDEKA

Tempat Pertama :

Puan Amirah binti Abu Bakar



Tempat Kedua :

Puan Hazufiza binti Md Zulkifli



Tempat Ketiga :

Encik Mohd Fauzi Latif bin Mahfar



Tempat Keempat :

Puan Harafeah binti Harun

PEMENANG PERTANDINGAN FOTO KREATIF MERDEKA



Tempat Pertama :

Puan Siti Idayu Norfaizah binti Ramlan



Tempat Kedua :

Encik Thiyakarajan A/L Kannian di wakilkan oleh Puan Varnida binti Abdul Azim



Tempat Ketiga :

Cik Varnida binti Abdul Azim



Tempat Keempat :

Puan Nur Aimi Hanisah binti Abas





BUKU PILIHAN OKTOBER 2023

TAJUK : KAPSUL IMAN : SATU UBAT SERIBU RAWAT

PENULIS : USTAZ MOHD FADLI YUSOF

ISBN : 978-983-097-671-1

Buku ini ditulis oleh Ustaz Mohd. Fadli Yusof yang berpengalaman luas dalam bidang dakwah di Asia Tenggara dan Jepun. Ia ditulis dengan bahasa yang mudah, ringkas dan jelas untuk semua golongan samada masyarakat Islam dan bukan Islam. Buku ini dibahagi kepada 5 tajuk besar iaitu teladan, nasihat, adab, keluarga dan masyarakat serta mengandungi 198 mukasurat. Ia dipecahkan kepada beberapa tajuk kecil yang merangkumi perkara tauhid dan kemasyarakatan. Buku ini banyak menceritakan kisah-kisah di zaman Rasulullah S.A.W dan para sahabat serta disertakan dengan nas-nas Al-Quran dan hadith-hadith bagi merungkai dan mengetengahkan fenomena masyarakat kini dan usul penyelesaian ke arah membentuk masyarakat yang progresif dunia dan akhirat.

KAPSUL IMAN
SATU UBAT SERIBU RAWAT

"Apabila hati sedih terdahul, akar terseraklah
hati-hati yang pernah dengan cahaya keberhangsan dan ketenangan
itulah syurga sementara sebelum kita bertemu Allah untuk
memerintah syurga yang kekal abadi."

USTAZ MOHD FADLI YUSOF



BUKU PILIHAN NOVEMBER 2023

**TAJUK : PADANYA ADA KASIH
PENULIS : DR.ROBIAH K.HAMZAH
ISBN : 978-967-411-761-0**

Padanya Ada Kasih - Cinta itu Memberi Bukan Memiliki adalah nasihat yang disampaikan dalam bentuk kisah-kisah orang yang terdahulu dan masa kini bagi mendidik jiwa anak-anak melalui pengajaran daripada setiap kisah yang dikongsikan.

Dimulakan dengan kisah para sahabat agung Rasulullah s.a.w. sebagai nasihat buat pendidik muda dan ibu ayah yang bergelut dengan pelbagai cabaran dalam usaha mendidik anak amanah Allah. Kisah-kisah dalam buku ini dapat digunakan sebagai bahan berfaedah pada waktu santai bersama keluarga di rumah ataupun di mana sahaja. Antaranya kisah kehebatan infak Abdul Rahman bin Auf dan Abu Bakar As-Siddiq, kisah Mush'ab bin Umair yang meninggalkan kemewahan, kisah Salman al-Farisi, Bilal bin Rabah, serta kisah-kisah yang terjadi pada masyarakat masa kini yang dapat dijadikan pedoman hidup.

Nasihat yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber ini mampu memotivasi jiwa-jiwa yang berjuang mencari hala tuju dan hala bicara bagi mengambil pengajaran daripada setiap kisah yang dikongsikan di dalam buku ini.






BUKU PILIHAN DISEMBER 2023

JUDUL : PESONA AHLI SYURGA

PENGARANG : USTAZ MUHADIR HAJI JOLL

ISBN : 978-983-097-585-6

Buku ini menghimpunkan 170 kisah orang-orang soleh daripada zaman Rasulullah SAW sehingga abad ke-20.



Tarikan utama buku ini adalah ia sebagai suatu bentuk hiburan kejiwaan yang bukan sahaja sekadar menghiburkan, tetapi juga mampu memberi motivasi dan momentum buat pembaca.

Kisah-kisah benar ini berkisarkan mukjizat Baginda SAW, karamah orang-orang soleh, kehebatan mereka dalam beribadah dan mencintai Rasulullah saw.

Antara kisah yang dimuatkan dalam siri pertama ini:

- Makanan bertasbih dan air memancar daripada jari-jemari Nabi
- Harimah Makkah
- Solat malamnya 300 rakaat
- Ulama yang dipanggil Habib Neon
- Ibu kepada syuhada'
- Meninggal dengan membaca hadis tentang kalimah la ilaha illallah



**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

**Persiaran Timur 3, Bandar Baru
Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek,
Negeri Sembilan**

Tel.Pejabat : 06-7993301

Faks : 06-7994667/ 5007